



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA`
Bagi Minggu Epid 43/2009 (25 hingga 31 Oktober 2009)

Pada minggu lepas terdapat peningkatan ketara kes Denggi iaitu sebanyak 100 kes demam denggi atau 18%, jumlah kes dilaporkan adalah 673 dengan 1 kematian berbanding 563 kes dengan 1 kematian bagi minggu sebelumnya. Peningkatan kes ini kemungkinan dipengaruhi oleh cuaca musim hujan yang sedang berlaku di Negara pada masa ini. Sebanyak 9 negeri telah menunjukkan peningkatan kes denggi iaitu Kelantan 150%, Sarawak 126%, Pahang 92%, Perlis 87%, N. Sembilan 84%, Sabah 46%, Terengganu 44%, WP Kuala Lumpur-Putrajaya 29% dan Kedah 13%.

Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 adalah sebanyak 33,357 kes dengan 74 kematian, iaitu penurunan sebanyak 12% berbanding 38,070 kes dengan 84 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008.

Maklumat kematian Denggi pada minggu lepas adalah seperti berikut:

- a) Pesakit merupakan seorang pekerja am berusia 42 tahun daripada Serian, Sarawak. Beliau yang mula demam pada 15 Oktober 2009 telah mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Kuching pada 19 Oktober 2009 iaitu selepas 4 hari

mengalami demam dan terus dimasukkan ke wad kerana disyaki menghidap Demam Denggi. Kes ini disahkan melalui ujian darah IgM positif yang dilakukan pada hari sama. Pada 20 Oktober 2009, pesakit dirujuk oleh hospital swasta tersebut ke Hospital Sarawak kerana keadaannya yang semakin teruk dan 2 hari kemudian iaitu pada 22 Oktober 2009, pesakit ini meninggal dunia kerana mengalami komplikasi Demam Denggi Berdarah.

- b) Aktiviti kawalan dan pencegahan tidak dijalankan di lokaliti tersebut.

Sehingga kini, terdapat 16 lokaliti "hot spot" sedang dipantau di seluruh negara dengan tambahan 5 lokaliti "hot spot" baru manakala 2 lokaliti telah bebas "hot spot" (Lampiran C, D dan E). Daripada 673 kes denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, 21 kes berlaku di lokaliti "hotspot". Adalah dukacita, 50% atau 8 daripada 16 lokaliti "hotspot" masih mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi (Lampiran F). Ini menyukarkan usaha untuk mencegah jangkitan demam denggi.

Hanya 18 (32%) aktiviti gotong-royong dapat dijalankan walaupun sebanyak 57 gotong-royong disasarkan sepanjang minggu ini. Masih terdapat 9 lokaliti hotspot di negeri Selangor yang belum menjalankan gotong-royong semenjak lokaliti ini berlaku wabak walaupun telah melebihi 1 bulan.

Pada minggu lepas, daripada 73,452 premis yang diperiksa, didapati 1,268 premis mempunyai pembiakan *Aedes*. Kebanyakan tempat pembiakan ini dijumpai di luar rumah iaitu pasu bunga, tong plastik, kanvas plastik dan alas pasu bunga. Kadar pembiakan *Aedes* di lokaliti wabak adalah 65% lebih tinggi dari nilai keseluruhan. Ini

menunjukkan lokaliti wabak masih mempunyai risiko yang tinggi untuk penularan jangkitan Demam Denggi.

Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan pada minggu ini ialah pengeluaran 354 kompaun bernilai RM58,910 dan 354 notis arahan pembersihan untuk tujuan aktiviti pencegahan demam denggi.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 148 kes telah dilaporkan pada minggu lepas dengan penurunan 49 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 197 kes. Negeri Sarawak menyumbang kepada 93% dari kes keseluruhan yang dilaporkan. Terdapat 38 lokaliti wabak diseluruh negara di mana 37 daripadanya adalah di Sarawak dan satu di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya pada tahun ini adalah sebanyak 3,988 kes. Tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Memandangkan keadaan cuaca yang tidak menentu dan boleh menyebabkan peningkatan pembiakan nyamuk *Aedes*, masyarakat diminta agar meningkatkan aktiviti pencegahan Denggi dengan melakukan pemeriksaan dan memusnahkan tempat pembiakan *Aedes* sekurang-kurangnya seminggu sekali di dalam dan persekitaran rumah mereka. Sekiranya ada di antara mereka mengalami demam segera dapatkan rawatan awal bagi mencegah penularan jangkitan Demam Denggi.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

2 November 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 43/2009
(25 hingga 31 Okt. 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 43/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 43/2008
		Minggu 43 (25 – 31 Okt. 2009)	Minggu 42 (18 – 24 Okt. 2009)		
1	Perlis	5	3	179	134
2	Kedah	9	8	658	1,090
3	P. Pinang	34	34	2,124	1,656 (1)
4	Perak	17	19	2,579 (2)	3,310 (5)
5	Selangor	204	239	16,433 (44)	16,057 (33)
6	WPKL & Putrajaya	63	49	3,205 (8)	4,312 (10)
7	N. Sembilan	23	14	796 (5)	1,136 (2)
8	Melaka	9	16	725 (3)	708 (1)
9	Johor	36	45	2,142 (3)	3,089 (14)
10	Pahang	23	12	758 (2)	1,010 (1)
11	Terengganu	13	9	844	1,449 (3)
12	Kelantan	10	4	936 (1)	2,080 (10)
13	Sarawak	194 (1)	86 (1)	2,030 (3)	1,095
14	Sabah	32	22	923 (3)	881 (2)
15	WP Labuan	1	1	24	63 (2)
	Jumlah	673 (1)	563 (1)	34,357 (74)	38,070 (84)

Nota:

() Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 43 DAN 42 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 43 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 43 (25 – 31 Okt 2009)	Minggu 42 (18 – 24 Okt 2009)		
1	Perlis	0	2	35	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	3	2	336	6
4	Perak	0	0	402	590
5	Selangor	1	0	422	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	94	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	0	0	157	1,846
10	Pahang	0	0	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	0	0	433	135
13	Sarawak	138	183	1,113	3
14	Sabah	6	10	52	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	148	197	3,988	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 31 Oktober 2009 (Mg 43)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	26	85
2	SELANGOR	Sepang	Taman Seri Sg Pelek	15	69
3	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	17	61
4	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	15	60
5	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	13	53
6	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	8	49
7	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak	6	44
8	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K6	6	32
9	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	9	31
10	SELANGOR	MPS	Bandar Country Homes ZC	7	30
11	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K7	5	30
12	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama (De Tropicana Kondo)	11	51
13	WPKL	Klang Lama	Kuchai Ent Park (Jln 116B)	16	32
14	JOHOR	MPPG	Flat Cendana Mukim Pelentong	33	109
15	TERENGGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	22	45
16	SARAWAK	KKM	Kpg.Puak Bau	8	48

Lampiran D

SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 43 (25 - 31 Oktober 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K6	6	32
2	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	9	31
3	SELANGOR	MPS	Bandar Country Homes ZC	7	30
4	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K7	5	30
5	WPKL	Klang Lama	Kuchai Ent Park (Jln 116B)	16	32

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 43 (25 - 31 Okt. 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Tmn. Pinggiran Bt Caves (Zon 3)	36	116
2	SELANGOR	Gombak	Kg. Nakhoda tengah	6	37

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 43**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	5.1%	10
2	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K5	9.0%	9
3	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K7	3.3%	3
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	2.0%	2
5	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	3.0%	3
6	WP KL	KLANG LAMA	Kuchai Lama (De Tropicana Kondo)	7.4%	7
7	WP KL	KLANG LAMA	Kuchai Ent Park (Jln. 116 B)	7.9%	8
8	SARAWAK	KKM	Kpg. Puak, Bau	4.6%	5